



Waktu Operasi & Kehadiran :	7.30 pagi – 5.00petang.
Kapasiti Keberadaan :	100%

AKTIVITI yang DIBENARKAN :

- Pendaftaran pelajar.
- Kemasukan pelajar-pelajar ke kolej-kolej.
- Sesi pendaftaran di satu-satu lokasi tidak melebihi dari 70% daripada kapasiti sebenar ruang.
- Ruang rehat yang disediakan untuk ibubapa/pengiring pelajar dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter dalam satu masa.
- Tiada aktiviti perkumpulan yang melibatkan sentuhan anggota badan.
- Solat berjemaah di Pusat Hidayah dengan menggunakan barangan sendiri (telekung, kain pelikat dan sejadah)

AKTIVITI yang TIDAK DIBENARKAN :

- Sebarang bentuk perhimpunan **KECUALI** mendapat kelulusan pihak pengurusan.
- Membawa ahli keluarga yang bergejala atau dalam tempoh kuarantin.
- Pelajar/ahli keluarga datang dari kawasan sedana dalam PKPD.

SOP PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI ii 2021/2022 DI KAMPUS UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN TERENGGANU (UiTMCT) BAGI PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4.

Langkah Keselamatan COVID-19

Vaksinasi

- **Pelajar yang telah lengkap vaksinasi dan tidak lengkap vaksinasi dibenarkan masuk ke kampus.**
- Pelajar yang **belum menerima vaksin lengkap dan belum mendapat sebarang vaksin perlu** memenuhi ketetapan berikut :
 - i. Melaksanakan ujian COVID-19 dan memaparkan keputusan negatif. (Nota: Keputusan ujian hanya sah untuk tempoh tiga (3) hari sahaja).
 - ii. Bagi ujian RTK-Antigen, boleh dibuat di mana-mana klinik yang menawarkan perkhidmatan tersebut.
 - iii. Bagi ujian Saliva, perlu dilakukan di Unit Kesihatan UiTMCT di hadapan pegawai di Unit Kesihatan UiTMCT untuk pengesahan.
 - iv. Keputusan Ujian Covid-19 (RTK-Antigen/Saliva) hanya sah dalam tempoh tiga (3) hari dan perlu dilaksanakan semula jika perlu.
 - v. Kos ujian di bawah tanggungan pelajar sendiri (boleh bawa sendiri Test Kit yang masih belum digunakan ke Unit Kesihatan UiTMCT).
 - vi. Surat Pengesahan ujian Covid-19 perlu ditunjukkan kepada Pensyarah/Penasihat Akademik/Ketua Program sebelum memasuki mana-mana pejabat/makmal/bengkel/dapur/kelas/dewan.
- iv. Pelajar berkenaan hanya dibenarkan hadir ke kampus selepas keputusan negatif dipaparkan/dibuktikan.
- Pelajar perlu mendaftar di kampus (atau berada di kawasan kampus mengikut keperluan) dengan mamatuhi keberadaan dengan pelaksanaan mod penyampaian fleksibel.

Deklarasi Kesihatan

- **Ibubapa/pengiring pelajar perlu mengisi Borang Deklarasi Harian Saringan Risiko COVID-19 UiTM** di aplikasi saringc19.uitm.edu.my. Hanya keputusan kategori D/E sahaja dibenarkan masuk ke kawasan kampus.

Saringan Suhu Badan

- **Suhu badan digalakkan diambil secara sendiri di stesen/bangunan yang telah ditetapkan berdekatan dengan lokasi masing-masing.**

Pengesanan Kontak

- **Mengimbas kod QR** yang disediakan di setiap bangunan untuk daftar masuk / keluar di kampus dengan menggunakan aplikasi saringc19.uitm.edu.my.
- **Rekod pergerakan** ke pejabat lain melalui aplikasi saringc19.uitm.edu.my / mengisi borang pergerakan pelajar /pelawat.

Penjarakan fizikal

- Memastikan **penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter** setiap masa dan tempat.

Mematuhi Arahan Tetap :

- SOP-SOP berkaitan yang diluluskan oleh KKM dan MKN di bawah Akta 342
- SOP-SOP berkaitan dibawah Kementerian Pengajian Tinggi
- Peraturan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan
- SOP-SOP & Pekeliling berkaitan di bawah Universiti Teknologi MARA.

Kemaskini: 15 Mac 2022

Pergerakan

- **Menghadkan pergerakan ke kawasan lain.** Hanya berada di tempat/ ruang kerja bilik mengurangkan interaksi sosial.

Kebersihan Tangan

- Memastikan **tangan dibersihkan dengan kerap** dengan sabun dan air atau menyediakan hand sanitizer.

Pembersihan dan Nyahkuman

- Melakukan **pembersihan dan nyahkuman di pejabat sendiri dengan kerap** dalam sehari terutamanya kawasan kerap disentuh seperti tombol pintu, meja, kerusi dll.

Pengudaraan dan Pencahayaan Pejabat

- Memastikan **pengudaraan dan pencahayaan ruang pendaftaran mencukupi.**

Penjagaan Kesihatan

- Sekiranya pelajar atau petugas bergelajala, segera mendapatkan **rawatan di Unit Kesihatan UiTMCT atau hospital terdekat.**
- **Mengelak bersalaman atau bersentuhan** dengan orang lain.
- **Mengelakkan perkongsian makanan/barang** di ruangan tempat kerja.
- Digalakkan **membersihkan diri / menukar baju** sebaik sahaja kembali di rumah.